

MYUniMAP  
Edisi XXXVI  
BERITA

# 1,500 MAHASISWA UTARA HADIRI KoMawAR

Oleh : Mohd Basri Basir

ARAU 24 Sept – lebih 1,500 mahasiswa dari Universiti Awam serta institusi pendidikan tinggi (IPT) sekitar utara menghadiri Konvensyen Mahasiswa Anti Rasuah (KoMawAR). Program anjuran bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) itu berlangsung di Dewan Ilmu, Kampus Alam UniMAP, Pauh Putra, di sini. Menteri Belia dan Sukan, Yang Berhormat Syed Saddiq Syed Abdul Rahman menyampaikan ucapan pada konvensyen itu.

Dalam ucapannya, Syed Saddiq menyeru agar golongan muda supaya berani menentang rasuah dan penyalahgunaan kuasa bagi menjadikan Malaysia negara 'super power' dalam masa 10 hingga 20 tahun lagi. "Saya yakin dan percaya anak-anak muda hari ini lebih bijak menilai kesan gejala rasuah kerana mereka lebih banyak terdedah dengan isu-isu nasional," katanya.

Turut hadir, Timbalan Ketua Pésuruhjaya (Pencegahan) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Datuk Shamsun Baharain Mohd Jamil dan Naib Canselor UniMAP Datuk Prof Dr Zul Azhar Zahid Jamal.

